

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK MADIUS TANGAU  
(TUARAN)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DATUK MADIUS TANGAU [ TUARAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah benar Kerajaan telah membenarkan bank-bank perdagangan untuk mengurangkan tempoh pembayaran balik pinjaman yang dikatakan sangat membebankan pelanggan.

**JAWAPAN**

Bagi memastikan individu mendapat pembiayaan yang bersesuaian dengan keperluan dan kemampuan membayar semula sepanjang tempoh pembiayaan, Bank Negara Malaysia (BNM) telah menghadkan tempoh maksimum bayaran balik bagi pembiayaan peribadi kepada 10 tahun dan pembiayaan pembelian hartanah kepada 35 tahun. Institusi kewangan

dikehendaki melakukan penilaian kemampuan ke atas individu sebelum memberi pinjaman peribadi. Langkah ini adalah penting bagi mengekang pengumpulan hutang yang berlebihan oleh isi rumah dan memastikan ia seajar dengan kemampuan membayar balik hutang oleh peminjam.